



SIARAN MEDIA

USAHA PENDIGITALAN DAN TRANSFORMASI KREDIT KOMUNITI MELALUI URUS NIAGA SECARA DALAM TALIAN (E-LENDING)

PUTRAJAYA, 3 MAC 2022 – Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) pada hari ini mengumumkan **usaha pendigitalan dan transformasi lesen pemberi pinjam wang atau kredit komuniti melalui urus niaga secara dalam talian (e-Lending)**. KPKT telah bersetuju untuk memberikan kebenaran tambahan kepada dua syarikat Kredit Komuniti (KK) yang memiliki lesen Pemberi Pinjam Wang sedia ada iaitu **BigPay Later Sdn. Bhd.** dan **GHL Payments Sdn. Bhd. (GHL Systems Berhad)** untuk menjalankan urus niaga pemberian pinjaman wang secara dalam talian.

Usaha ini merupakan salah satu langkah transformasi dan penambahbaikan kepada pengendalian transaksi sebelum ini iaitu urus niaga wajib dijalankan di dalam premis berdaftar sahaja selaras dengan Peraturan 15 [Akta 400].

Pemberian secara dalam talian ini merupakan inisiatif berterusan KPKT dalam memastikan perlindungan kepada peminjam serta syarikat KK yang lebih telus dan berintegriti serta mematuhi segala peruntukan yang ditetapkan di dalam Akta Pemberi Pinjam Wang 1951 [Akta 400], Peraturan – Peraturan Pemberi Pinjam Wang (Kawalan dan Pelesenan) 2003 serta Akta lain yang berkaitan.

YB Dato' Sri Reezal Merican Naina Merican, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan berkata pelaksanaan kredit komuniti secara dalam talian ini merupakan **inisiatif KPKT untuk melindungi peminjam melalui transaksi yang lebih telus dan sistematik**. Selain itu, ia membolehkan KPKT merangka **pendekatan-pendekatan yang lebih bersasar melalui maklumat secara *real-time* berdasarkan profil peminjam yang direkodkan**.

Beliau turut memaklumkan bahawa peredaran masa kini menuntut KPKT untuk melihat pendekatan-pendekatan yang bersifat *data-driven* dan penggunaan teknologi secara optimum. Selain itu, kawal selia yang lebih efektif dapat dilaksanakan apabila transaksi secara dalam talian ini dilaksanakan kelak. Mekanisme pemberian pinjaman

juga akan lebih memudahkan serta mengelakkan peminjam terjebak di dalam skim kredit komuniti yang tidak sah.

Beliau juga menjelaskan bahawa **KPKT sedang merangka satu sistem pengurusan maklumat bersepadu bersifat one-stop centre yang akan mengintegrasikan pelbagai urusan berkaitan Kredit Komuniti.** Sistem ini akan menggabungkan pelbagai fungsi teras kredit komuniti yang akan memberi manfaat dalam menyeragamkan pelaporan maklumat syarikat kredit komuniti, menggalakkan rekod pendigitalan, mewujudkan akses maklumat secara langsung (real-time data), mewujudkan platform pemberian pinjaman wang secara dalam talian; dan mewujudkan akses bagi penjana laporan kredit peminjam.

YB Dato' Sri Reezal Merican juga menyatakan bahawa kempen pendidikan dan penguatkuasaan pinjaman kredit komuniti juga sedang diperhebatkan bagi memastikan kepentingan peminjam terpelihara. Beliau turut mengingatkan syarikat kredit komuniti yang berdaftar agar sentiasa mengikuti peraturan yang telah ditetapkan atau berhadapan tindakan undang-undang oleh Kerajaan.

Senarai syarikat KK yang diberikan kelulusan untuk menjalankan urusan pemberian pinjaman wang secara dalam talian akan dikemaskini dari semasa ke semasa melalui laman web KPKT.

Sebarang pertanyaan lanjut berhubung perkara ini, orang awam boleh menghubungi talian 03-8891 4667/4662/4695/4694/4682/4683 ataupun mengemukakan pertanyaan melalui Sistem Aduan Bersepadu KPKT di pautan **aduan.kpkt.gov.my** untuk tindakan sewajarnya.

#KeluargaMalaysia

#BekerjaBersamaRakyat

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PlanMalaysia, 6. Jabatan Lanskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my

